

28 NOV 1996

Mahathir-Setiausaha

SABBARUDDIN CHIK SETIAUSAHA AGUNG BARU UMNO

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno yang baru, menggantikan Datuk Mohamed Rahmat yang memegang jawatan itu sejak Disember 1990.

Bekas Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Yusof Nor pula dilantik menjadi Ketua Penerangan menggantikan Tan Sri Hussein Ahmad yang menyandang jawatan itu sejak 15 tahun lepas.

Perlantikan itu diumumkan oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tertinggi Umno yang baru di ibu pejabat parti di sini malam ini.

Beliau juga mengumumkan yang Tun Daim Zainuddin kekal sebagai Bendahari Agung parti.

Datuk Sabbaruddin Chik, 55, anak jati Temerloh menyertai politik pada tahun 1970-an. Beliau dipilih sebagai Ketua Pergerakan Pemuda Umno cawangan Kampung Paya Jejawi, Temerloh pada 1980 diikuti jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Bahagian Temerloh pada 1981.

Sabbaruddin menjadi Ketua Umno bahagian Temerloh sejak 1984 dan dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang sejak 1991.

Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ijazah sarjana dari Institute of Social Studies, the Hague, Holland.

Kemenangannya bagi kerusi Parlimen Temerloh pada pilihan raya umum 1982 membuka jalan untuk menyertai kepimpinan Umno pusat apabila dipilih sebagai anggota Majlis Tertinggi pada 1984. Bagaimanapun beliau tewas pada pemilihan Majlis Tertinggi parti Oktober lepas.

Beliau pernah menjawat pelbagai jawatan penting Umno peringkat pusat termasuk Ketua Biro Kebudayaan.

Sabbaruddin dilantik sebagai Timbalan Menteri Kewangan pada 1982 dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sejak kementerian itu diwujudkan pada 20 Mei 1987.

Dr Yusof, 55, pula kini merupakan anggota Exco Hal Ehwal Agama Terengganu.

Beliau dilahirkan di Kampung Raja, Besut, Terengganu dan berkelulusan Doktor Falsafah dalam pengajian Islam dari Universiti Kaherah, Mesir.

Beliau menganggotai Umno pada 1975 dan dilantik sebagai senator pada 1984. Pada pilihan raya umum 1986, beliau memenangi kerusi Parlimen kawasan Setiu tetapi pada pilihan raya umum tahun lepas, beliau bertanding bagi kawasan Dewan Undangan Negeri Kampung Raja dan menang.

Dr Yusof pernah memegang jawatan Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia sebelum dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1984.

Dr Mahathir turut mengumumkan pelantikan anggota Majlis Tertinggi baru. Mereka ialah Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Mohamed Rahmat, Datuk Syed Hamid Jaafar Albar, Tan Sri Abdul Hamid Pawanteh, Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad, Datuk Seri Sanusi Junid, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan Tan Sri Hussein Ahmad.

Dua lagi anggota Majlis Tertinggi dilantik akan diumumkan kemudian, katanya.

Beliau juga mengumumkan Ketua Badan Perhubungan Umno Kedah yang baru ialah Datuk Seri Sanusi Junid menggantikan Tan Sri Osman Aroff manakala

Datuk Osu Sukam menggantikan Datuk Salleh Said Keruak bagi Umno Sabah.

Datuk Abdul Ghani Othman pula menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Ketua Badan Perhubungan Umno Johor, Perlis dipengerusikan oleh Datuk Seri Shahidan Kassim manakala Melaka ialah Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

Dr Mahathir turut memberitahu bahawa beliau masih mempengerusikan Badan Perhubungan UMNO Kelantan manakala timbalan badan perhubungan itu, yang sebelum ini disandang oleh Menteri Pembangunan Luar bandar Datuk Annuar Musa, akan diumumkan kemudian.

"Buat masa ini pelantikan timbalan pengerusi badan perhubungan Umno Kelantan belum dibuat," katanya.

Ketika ditanya mengapa Mohamed dan Hussein diganti, Dr Mahathir berkata: "Kita berpendapat tidak ada siapa kekal dalam UMNO, ada masa dia kena pergi kerana tidak dipilih atau tidak dilantik atau sebab-sebab lain...kerana tak sihat atau kurang minat atau tarik diri dan macam-macam lagi."

Bagaimanapun, beliau berkata Umno mengucapkan penghargaan kepada Mohamed dan Hussein atas tugas yang dilakukan mereka dan disebabkan itu Umno melantik kedua-duanya sebagai anggota Majlis Tertinggi.

Semasa ditanya adakah perlu dilakukan pertukaran bagi jawatan setiausaha agung dan ketua penerangan parti, Dr Mahathir berkata: "Perlu tak perlu, kita nak tukar."

Bila ditanya desas desus kononnya bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah atau timbalannya, Datuk Rais Yatim akan dilantik anggota Majlis Tertinggi, beliau berkata: "Mungkin. Kita melantik bukan berasaskan dia bekas ketua S46, ada sebab kita lantik ... kita lantik, ada ramai yang sepatutnya menjadi anggota Majlis Tertinggi tetapi kerana keadaan tertentu, tak dapat," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengingatkan bahawa sekarang tidak ada lagi anggota S46 kerana semuanya sudah menjadi anggota Umno dan apa jua latar belakang mereka tidak diambil kira.

Mengenai Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Annuar yang tidak dilantik menjadi anggota Majlis Tertinggi, Dr Mahathir berkata: "Kita bukan lantik sebab dia menteri, kita lantik sebab kita nak lantik."

Apabila ditanya adakah kedudukan mereka sebagai menteri akan terjejas, beliau berkata: "Tidak terjejas, kita tak ada rombak kabinet.... tak mudah nak rombak."

Semasa seorang wartawan berkata bahawa biasanya mereka yang memegang jawatan dalam Umno diberi kepercayaan menyandang jawatan dalam kerajaan, beliau menjawab: "Kadang-kadang yang tidak dipercayai dapat dipilih."

Ketika ditemui selepas mesyuarat itu, Sabbaruddin berkata pelantikannya sebagai setiausaha agung baru parti merupakan satu penghargaan bagi dirinya.

"Saya rasa inilah peluang untuk menunjukkan bahawa saya dapat memberi sesuatu kepada Umno," katanya.

Sabbaruddin berkata pelantikannya itu hanya diketahui pukul 8 malam tadi walaupun sebelum ini mendengar cakap-cakap bahawa beliau mungkin dilantik ke jawatan berkenaan.

Sambil memuji Mohamed atas jasa dan tugas baik yang dijalankan untuk memperbaiki pengurusan Umno sebelum ini, Sabbaruddin berkata beliau akan menemui bekas setiausaha agung parti itu untuk mendapatkan pandangan bagi menjalankan tugas baru itu.

"Memang patut saya jumpa Datuk Mohamed sebab saya sendiri masih samar apakah tugas pertama saya sebagai setiausaha agung selain menyiapkan minit mesyuarat malam ini," katanya semasa ditanya mengenai tugas pertamanya sebagai setiausaha agung parti.

Sabbaruddin berkata beliau juga akan menemui Dr Mahathir untuk

mendapatkan pandangan mengenai bidang tugasnya.

Yusof, ketika ditemui kemudian, pula berkata beliau akan mengkaji secara mendalam mengenai tugas barunya itu dengan merujuk kepada Presiden parti.

"Saya akan mengkaji perkara-perkara berkenaan dan akan membincangkan dengan Dr Mahathir mengenai keutamaan Penerangan dalam Umno kerana ia dapat memainkan peranan berkesan dalam parti," katanya.

Beliau juga akan meminta pandangan daripada Hussein mengenai bidang tugas Ketua Penerangan parti. -- BERNAMA

ARA RAZ NAK